

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL (LEMBAH PANTAI)**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 5**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

- a) jumlah belia berusia 30 tahun ke bawah yang terkorban dalam kemalangan jalan raya di antara tahun 2016-2018; dan
- b) apakah benar kemalangan jalan raya merupakan sebab kematian utama kepada golongan tersebut dan langkah-langkah yang diambil untuk menurunkan angka tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kemalangan jalan raya merupakan sebab kematian utama kepada belia berusia 15-40 tahun.
2. Laporan Perangkaan kemalangan Jalan Raya PDRM juga menunjukkan golongan belia merupakan golongan yang paling banyak terkorban dalam naas jalan raya. Statistik menunjukkan bahawa belia berusia 16-30 tahun yang terkorban hampir mencecah purata 2,600 orang setiap tahun bagi tempoh 2016-2018. Pada tahun 2016, bilangan belia yang terkorban mencecah 2,818 orang dan bilangan ini menurun kepada 2,693 pada tahun 2017. Pada tahun 2018, bilangan belia yang terkorban ialah sebanyak 2,449 orang.
3. Daripada 2693 kematian akibat naas jalan raya yang melibatkan golongan belia pada tahun 2017, 72% daripadanya maut ketika menunggang atau membonceng motosikal. Bagi menangani masalah ini, MIROS telah banyak menjalankan program dan aktiviti yang memberi tumpuan kepada pengguna motosikal untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya pengguna motosikal yang kebanyakannya adalah golongan belia.
4. Antara inisiatif baru yang dilaksanakan dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan dan kematian akibat naas jalan raya adalah pelaksanaan program intervensi iaitu Program *My Safe Road*. Program ini memfokuskan kepada daerah-daerah yang mencatatkan statistik kematian tertinggi akibat kemalangan jalan raya di setiap negeri di seluruh Malaysia. Pelaksanaan program intervensi ini telah pun dilaksanakan di beberapa buah daerah seperti di Batu Pahat, Bentong, Kuala Rompin dan Berapit. Pelaksanaan program ini jelas menunjukkan pengurangan dari segi kadar kematian akibat kemalangan jalan raya. Sebagai contoh,

Program *My Safe Road* yang telah dijalankan pada tahun 2016 di Batu Pahat berjaya menunjukkan penurunan angka kematian sebanyak 20% iaitu daripada 207 kepada 165 kes kematian pada tahun 2017. Justeru itu, program ini akan dilaksanakan secara menyeluruh di daerah-daerah yang mencatatkan statistik tertinggi kematian akibat kemalangan jalan raya di seluruh negara bermula pada tahun ini.

5. *Commuting Support Safety Programme (CSSP)* yang telah bermula sejak tahun 2017 memberi fokus kepada pekerja yang menaiki motosikal ke tempat kerja dan juga pekerja-pekerja perkhidmatan penghantaran. Modul-modul yang terkandung dalam program ini berteraskan kepada tiga faktor utama kemalangan jalan raya iaitu faktor manusia, jalan raya dan kenderaan. Antara modul yang terkandung dalam CSSP adalah *Defensive Riding Training, Motorcycle Inspection, Family Safety Reminder, Route Hazard Mapping, Commuting Safety Talk* dan *Fitness to Ride*.
6. MIROS juga menganjurkan *Motorcycle Safety and Technology Symposium* yang mana program ini memberi fokus kepada belia-belia di universiti yang menggunakan motosikal dengan memberi pendedahan tentang keselamatan jalan raya dan cara penunggangan motosikal yang selamat seperti memberi latihan cara pengendalian motosikal yang betul.
7. Selain itu, pendedahan awal juga turut diberikan seawal prasekolah, sekolah rendah dan menengah melalui program PKJR. Program ini dilaksanakan bagi melahirkan generasi yang lebih mementingkan keselamatan jalan raya dan berhemah ketika berada di jalan raya. PKJR telah di ajar secara penyerapan ilmu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bermula 2007 di sekolah rendah dan 2015 di sekolah menengah.

Sekian terima kasih.